

30 JAN 2003

Hishammuddin-Kempen (Bergambar)

KEMPEN SEJUTA TANDATANGAN DAPAT SAMBUTAN HANGAT MASYARAKAT CINA

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Penuntut Institut Pengajian Tinggi dan pelajar sekolah merupakan sasaran seterusnya bagi Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia selepas ia mendapat sambutan menggalakkan daripada pertubuhan-pertubuhan Cina di negara ini.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata dalam masa yang singkat sahaja pertubuhan Cina telah dapat mengumpulkan 22,702 tandatangan.

"Dengan sokongan yang ditunjukkan oleh pertubuhan Cina itu, jumlah tandatangan yang akan diperolehi daripada masyarakat Cina mungkin melebihi 200,000 tandatangan seperti yang disasarkan sebelum ini," katanya.

Hishammuddin yang juga penaung kempen itu, berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penyerahan borang tandatangan kepada pemimpin-pemimpin pertubuhan Cina Malaysia bagi Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata pelbagai program telah diatur termasuk mengadakan kolokium, forum dan pameran berkenaan Iraq dan Palestin selain daripada konvensyen antarabangsa.

Katanya kesemua tandatangan dan memorandum suara rakyat Malaysia yang dikumpulkan itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dikemukakan dalam sidang kemucak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di sini pada 24 Feb ini.

Kempen Sejuta Tandatangan Aman Malaysia telah dijalankan oleh Pertubuhan Belia 4B dan Pertubuhan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) yang bertujuan menyatakan bantahan terhadap usaha Amerika Syarikat untuk menyerang Iraq.

Hishammuddin berkata beliau yakin sejuta tandatangan akan dapat diperolehi sebelum satu perhimpunan raksasa diadakan pada 23 Feb ini di Stadium Nasional di Bukit Jalil apabila tandatangan itu diserahkan kepada Perdana Menteri.

Perhimpunan itu pada awalnya dijadual diadakan di Dataran Merdeka tetapi telah dipindahkan ke Stadium Nasional bagi membolehkan lebih ramai lagi rakyat Malaysia menyertainya.

-- BERNAMA
LIB KHY MAI